

Pensyarah UMP Kongsi Kepakaran Dalam Pengaturcaraan dan Pembinaan Lego Mindstrom



Pekan 23 Februari - Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Pekan (PPD) menganjurkan Bengkel Training of Trainers (TOT) dalam meningkatkan kemahiran mereka bentuk aplikasi lego *Mindstrom* kepada guru-guru dari Kelab Robotik Sekolah-sekolah Daerah Pekan bertempat di Ancasa Royale Pekan, Pekan baru-baru ini.

Bengkel dua hari ini disertai seramai 22 orang guru dari 12 buah sekolah rendah dan menengah sekitar daerah Pekan dengan bimbingan lapan pensyarah FKEE. Majlis dirasmikan Ketua Unit Pembangunan Kemanusiaan PPD Pekan, Kamaludin Abdul Latiff.

Dalam ucapannya beliau menghargai kesungguhan para pensyarah UMP yang banyak membantu pihak PPD dalam berkongsi kepakaran mereka dengan mempelajari set robotik dengan lebih mendalam. Bengkel ini juga dapat memberi peluang pihak sekolah dalam membuat persiapan bagi persediaan untuk menyertai pertandingan robotik tidak lama lagi.



Beliau juga berbangga dengan pencapaian Sekolah Kebangsaan Serambi yang mewakili Daerah Pekan yang meraih tempat ke-8 daripada 68 buah sekolah yang mengambil bahagian dalam pertandingan Space Challenge Robotic Competition yang berlangsung di Putrajaya pada 21 Februari 2017.

Manakala menurut pengarah program, Prof. Madya Dr. Hamzah Ahmad berkata, Bengkel TOT ini juga dapat memberi pendedahan kepada guru-guru penyelaras Kelab Robotik tentang teknik-teknik asas pengaturcaraan robotik Lego Mindstrom seperti *Line Following*, *Color Detection*, *Move & Pick* dan lain-lain lagi.

"Set lego mindstrom merupakan satu kit robotik yang mengandungi elemen perisian dan perkakasan. Kit Robotik ini akan dicipta oleh pengguna untuk membina dan mengaturcaraan pelbagai ciptaan robot atau automasi mengikut kreativiti masing-masing.

Pelbagai elemen sains dan kejuruteraan dapat diterapkan kepada pelajar. Kit Robotik ini juga kini turut dipertandingkan diperingkat di dalam dan luar negara seperti World Robotic Competition (WRC) dan National Robotic Competition (NRC)," katanya.



Dalam bengkel ini peserta akan diajar untuk penggunaan pengaturcaraan dan pembinaan lego dengan lebih baik. Bengkel yang turut mendapat sokongan Program Permindahan Ilmu (KTP) ini juga memastikan kelestarian pengetahuan dalam bidang sains dan matematik.

Dengan perkongsian ilmu ini diharapkan sama-sama dapat berganding bahu dalam memupuk pelajar ke arah Sains, Teknologi dan Matematik (STEM). Beliau mengharapkan dengan pendedahan dan latihan yang telah diberi kepada guru-guru ini dapat dipraktikkan kepada pelajar setelah kembali ke sekolah masing-masing.

Disediakan oleh Nor Salwana Mohammad Idris dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 02-03-2017, 16:44:18